

Membudaya tabiat membaca

SK Jaya Gading terima 400 buku ilmiah daripada UMP

SHARIFAH HAZIRAH AL-JEFFREY

KUANTAN - Lebih 400 buku ilmiah dan buku latihan (latih tubi) disumbangkan kepada Sekolah Kebangsaan Jaya Gading oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai dorongan dan galakan membaca dalam kalangan generasi muda.

Sumbangan itu disampaikan sempena pelancaran Program Bank Buku anjuran Persatuan Mahasiswa Improsh dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi (FKPPT), UMP, baru-baru ini.

Dekan FKPPT, Profesor Dr Ahmad Othman berkata, buku-buku itu disumbangkan mahasiswa dan kakitangan UMP sendiri menerusi konsep derma-kumpul-derma yang dilaksanakan sejak September lalu.

Menurutnya, program itu sebagai usaha jitu UMP menggalakkan masyarakat membaca terutamanya

dalam kalangan pelajar sekolah bagi membudayakan tabiat membaca sebagai rutin harian.

"Sikap rajin membaca bukan saja dapat menambahkan ilmu pengetahuan, malah dapat memperbaiki masalah penggunaan bahasa ketika berkomunikasi.

"Saya mengharapkan pihak sekolah dapat menempatkan buku-buku ini di sudut bacaan setiap kelas sebagai bahan bacaan dan rujukan pelajar," katanya pada pelancaran Program Bank Buku, di Dewan Astaka, UMP.

Seramai 70 murid Tahun Enam SK Jaya Gading bersama enam guru pengiring hadir menerima sumbangan berkenaan.

Ahmad berkata, SK Jaya Gading dipilih dalam program itu kerana sekolah berkenaan adalah sekolah angkat FKPPT sejak setahun lalu dan ia sebagai mengeratkan hubungan dengan pihak sekolah.



Ahmad menyerahkan sumbangan buku kepada Zuryati bersempena pelancaran Program Bank Buku di Dewan Astaka, UMP, baru-baru ini.

Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SK Jaya Gading, Zuryati Che Mohd berkata, pihak sekolah amat terharu dan berterima kasih

dengan sumbangan yang diberikan.

"Sumbangan ini menambahkan koleksi buku di perpustakaan sekolah seterusnya memberi manfaat ke-

pada semua," katanya.

Beliau berharap program itu dapat diteruskan bagi menyokong usaha memupuk budaya membaca.

Sinar (sekolah) Khamis 28/10/10 ms P2-1